

MEREKA YANG MEMIMPIN DI BIDANG APA SEKALI PUN TANPA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA LAMBAT LAUN AKAN MENERIMA PERPECAHAN — MAHATHIR

Kepimpinan yang baik berasaskan kejujuran dan keilmuan

KUALA LUMPUR 4 Dis.

— Kepimpinan yang baik adalah kepemimpinan yang berasaskan kejujuran dan keilmuan, mengutamakan perpaduan serta tidak mementingkan diri sendiri, kata Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, mereka yang memimpin di bidang apa sekalipun tanpa mengutamakan kepentingan negara lambat laun akan membawa kepada perpecahan di kalangan yang dipimpin dan tidak mendapat tempat dalam masyarakat.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam kata-kata aluannya sempena Simpo-

sium Pengajian Melayu pertama anjuran bersama Jabatan Pengajian Melayu dan PBMUM mulai 8 Disember depan.

Katanya, "sesungguhnya dalam apa masyarakat pun kepemimpinan merupakan faktor utama bagi menentukan kemajuan yang akan dicapai oleh masyarakat tersebut."

Bagaimanapun katanya, tidak semua kepimpinan boleh membawa kemajuan.

Menurutnya lagi, ada kalanya yang dipimpin bertambah menderita hidupnya dan yang memimpin bertambah bahaga.

Oleh HALIM ABU BAKAR

Kata Dr. Mahathir lagi, sejarah negara ini telah membuktikan orang-orang Melayu telah dapat maju menerusi kepimpinan yang bermutu tinggi dan berkesan.

Di samping itu juga katanya, kita juga dapat melihat orang-orang Melayu telah rugi kerana perpecahan yang berpunca dari kepimpinan yang kurang bertanggungjawab.

"Kita harus sedar bahawa kepimpinan yang baik itu ialah kepimpinan yang berasaskan kepada kejujuran dan keilmuan, mengutamakan perpaduan

dan tidak mengutamakan kepentingan diri," kata Dr. Mahathir.

Belau berharap rumusan simposium itu nanti akan dapat memberi panduan yang positif dan berkesan di setiap bidang pembanguan negara.

Simposium enam hari bertajuk "Kepimpinan Melayu — dari mana ke mana?" akan dirasmikan oleh Dr. Mahathir di Kuliah F. Fakulti Sastra dan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah ini.

Sebanyak 6 tajuk penting akan dibicarakan oleh 22 orang tokoh masyarakat tanah air.

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 3)

DARI MUKA 1

Kepimpinan Politik Melayu akan dibincangkan pada malam pertama dengan ahli panelnya Haji Suhaimi Kamaruddin, Encik Mustafa Ali dan Encik Mahathir Mohd. Khir bekas Presiden PBMUM.

Kepimpinan Pentadbir Dalam Kepimpinan Melayu pula akan dibicarakan oleh Dr. Nordin Selat, Dr. Elyas Omar, Dr. Mohd. Noor Ghani dan Dr. Khasnor Johan pada malam kedua.

Malam ketiga ialah Dilemma Kaum Wanita Melayu masa kini dengan ahli panelnya Puan Mazidah Zakaria, Puan Marina Yusuf, Dr. Mohd Kamal Hassan dan Dr. Nik Safiah Karim.

Kepimpinan Melayu di dalam kebudayaan yang akan dibincangkan pada malam keempat akan disertai oleh Encik Zain, Encik Feisol Osman, Encik M. Noor Azam dan Prof. Ismail Hussein.

Malam kelima para panelnya terdiri dari Prof. Ungku Aziz, Tengku Datuk Shariman, Dr. Kamal Salleh dan Dr. Zainal Kling dengan tajuk Kepimpinan Ekonomi Melayu.

Malam akhir Islam Dalam Kepimpinan Melayu akan dibincangkan oleh Dr. Yusuf Noor, Fadzil Noor, Prof. Syed Muhammad Naguib Al-Attas dan Mohd. Shahir Abdullah.

Perbincangan-perbincangan itu akan dipengerusikan oleh Prof. Tengku Shamsul Bahrin, Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, Puan Azah Aziz, Prof. Atan Long, Datuk Dr. Arshad Ayub dan Haji Raja Mubtaruddin.

Semua perbincangan itu adalah terbuka kepada orangramai.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 9104
No. Penerbitan 917/67